

UNIVERSITI
AKHBAR INI TIDAK DIBENARKAN
DIBAWA KELUAR DARI BAHAGIAN INI

Rabu, 24.08.2016
21 Zulkaedah 1437H

Harga promosi  **RM1.50**

Harga: RM1.80
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012(030686)

SKOR

BAHASA MELAYU KERTAS 1 SPM
Dapatkan kaedah menulis karangan
berformat didalam SKOR hari ini



aura.

INSPIRASI HIJAU, CELORENG
Koleksi imbau detik negara
bebas daripada penjahaj

Sehati Sejiwa
HARI KEBANGSAAN 2016



Kibar Jalur Gemilang Ms.17

BH
Berita Harian

MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

Dana wakaf biaya universiti

Wakaf akan jadi antara keutamaan pembiayaan institusi
pengajian tinggi awam. Setiap universiti perlu tubuh tabung
wakaf menjelang akhir tahun ini bagi menjana pendapatan

Ikuti temu bual bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh → Ms.14

Ms.14

→ PENDIDIKAN

Tabung Wakaf tampung kos universiti

5 Soalan

Bagi melonjakkan mutu pendidikan tinggi negara dan menjadikan Malaysia hab pendidikan di rantau ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif. Namun peruntukan tinggi diperlukan, pada masa sama kerajaan juga mahu universiti lebih berdikari. Penubuhan Tabung Wakaf akan menjadi keutamaan pembiayaan universiti, selain Tabung Endowmen dan menjana pendapatan menerusi aktiviti komersial. **Ikuti temu bual Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid; Pengarang Pendidikan BH, Fadzlina Jafar dan wartawan BH, Zanariah Abd Mutalib** bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

S: Boleh Datuk Seri terangkan hala tuju pendidikan tinggi di Malaysia ketika ini?

J: Saya berjanji untuk memperbaiki pendidikan tinggi terbaik dalam negara untuk rakyat negara ini, bermakna meningkatkan kualiti pendidikan.

Kualiti pendidikan kita semakin meningkat melalui kedudukan universiti tempatan (dalam QS University Rankings Asia 2016) dan pendebat kita memenangi debat bertaraf dunia di Universiti Cambridge (United Kingdom). Kita mempunyai dua universiti yang berada dalam kelompok 50 terbaik Asia (QS University Rankings Asia 2016) sama ada dalam kedudukan universiti atau subjek. Disebabkan itu kita menggunakan slogan 'Soaring Upwards'. Bagi penarafan peringkat dunia, kita belum sampai lagi ke tahap itu (50 terbaik), tetapi saya janji kita akan sampai. Ia tidak akan memakan masa yang lama... dalam 20 hingga 30 tahun, kita akan setanding dengan Universiti Cambridge dan Oxford.

S: Datuk Seri ada menyatakan satu daripada universiti awam (UA) akan dijadikan seperti Universiti Oxford bagi meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia. Sudahkah UA itu dikenal pasti?

J: Ketika ini kita mempunyai lima UA terbaik iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), semuanya adalah universiti penyelidikan (RU). Kita harapkan semuanya akan menjadi yang terbaik, tapi setakat ini, UM mendahului.

S: Bagaimana UA menyesuaikan diri dengan pemoangan perbelanjaan oleh kerajaan? Adakah ini menjejaskan usaha untuk melonjakkan universiti tempatan ke persada antarabangsa?

J: Ketika ini universiti kita terlalu bergantung kepada kerajaan untuk peruntukan iaitu 80 hingga 90 peratus, berbanding



Idris ketika ditemubual Abdul Jalil (dua dari kiri); Pengarang Pendidikan New Straits Times, Hazlina Abdul Aziz dan Fadzlina (kanan) di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya.

universiti terbaik di dunia hanya bergantung 30 hingga 50 peratus sahaja. Jadi, model pembiayaan universiti kita tidak mampan dan kita mahu turunkan kebergantungan itu kepada 70 peratus, kemudian sedikit demi sedikit. Langkah ini bukan hanya disebabkan masalah ekonomi... universiti perlu bersedia kerana inilah realiti. Kita kena tingkatkan pendapatan dan memotong perbelanjaan, melalui peningkatan produktiviti.

Bagi menambah dana kita boleh menyediakan latihan dan khidmat perundingan kepada orang awam atau syarikat oleh profesor berpengalaman, menggunakan sepenuhnya kemudahan bangunan atau menyewakannya, selain mengurangkan perbelanjaan termasuk utiliti.

Selain itu, kita juga menggalakan mereka menubuhkan Tabung Wakaf supaya boleh menjana pendapatan. Setiap universiti perlu mewujudkan Tabung Wakaf mereka pada hujung tahun ini. Selain itu, secara tidak langsung, Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) juga menyumbang dana kepada universiti dan sektor korporat ini boleh mengajar bagaimana untuk menjana pendapatan.

Ketika ini, UKM, UPM, dan USM sudah memulakannya, manakala UTM sudah mendapat status untuk melaksanakannya. Jadi pendekatan baharu untuk mencari dana ini sudah mula berkembang kerana jika kita lihat universiti tersohor seperti Harvard dan

Oxford secara asasnya bergantung kepada pembiayaan (endowment). **S:** Universiti di Korea Selatan dan China berjaya meningkatkan kedudukan mereka dalam QS University Rankings Asia 2016 selepas membuat pelaburan dalam pendidikan tinggi. Bagaimana kita boleh bersaing dengan mereka?

J: Kita tidak terlalu 'obses' terhadap ranking, sebaliknya komited kepada usaha melahirkan graduan holistik, mempunyai nilai keusahawanan dan seimbang. Keperluan universiti untuk tersenarai dalam kalangan yang terbaik tidak dinafikan penting, namun ia hanyalah satu daripada matlamat ditetapkan di bawah Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) 2015-2025. Kita masih berpandukan kepada PPPM (PT) dan tidak mahu tersasar daripada apa yang sudah kita rancangkan. **S:** KPT kini memberi fokus kepada Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) serta Kolej Komuniti. Bagaimana untuk seimbangkan dengan pelajar universiti yang berhadapan masalah sukar mendapat pekerjaan?

J: Cara kita melaksanakan program di universiti sudah berubah. Kini kita mempunyai Program Fakulti CEO yang membawa CEO daripada industri memberi syarahan, membina rangkaian dengan pensyarah, serta melihat kurikulum bagi meningkatkan kebolehpasaran

graduan. Mereka bukan hanya datang dua jam sahaja dan pulang, tetapi 20 hingga 30 jam setahun.

Kita juga ada program program Dua Tahun Universiti dan Dua Tahun Industri (2U2I) yang sudah dilaksanakan di Universiti Malaysia Kelantan dan akan dilaksanakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Selain itu, meningkatkan program keusahawanan di kampus.

Kita menjadi yang pertama di dunia melaksanakan iCGPA (Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi) bagi pelajar kerana kita percaya pelajar bukan hanya perlu cemerlang dalam akademik, tetapi kita juga perlu mengukur cara mereka berkomunikasi, interaksi, nilai keusahawanan, kemahiran praktikal dan etika. Ini bagi memastikan kita mampu melahirkan pelajar yang holistik seperti yang dihasratkan melalui PPPM (PT).

Dari segi peningkatan penguasaan bahasa Inggeris, kita mencapai 27.8 peratus bagi Band 3 ke atas dalam Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET). Saya percaya semua ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan kita.

Untuk komen
e-mel ke bhnews.bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online

Ikuti siri kedua temu bual bersama Idris mengenai isu pelajar asing dan bagaimana kehadiran mereka dapat membantu pembangunan negara, esok.

info

Anak Syarikat

- Penjana pendapatan dan aktiviti komersial
- Pengkomersialan penyelidikan dan harta intelek
- Latihan, kontrak penyelidikan atau pengajaran dengan rakan kongsi swasta
- Pengurusan harta memabatkan aset universiti

Tabung Endowmen

- Pengurusan anak syarikat universiti
- Mencari dana bagi endowment
- Menjalin kerjasama dengan penyumbang dana
- Pelaburan peruntukan aset termasuk aset kewangan dan hartanah

Tabung Wakaf

- Mencari dana menerusi wakaf
- Menjalin kerjasama dengan penyumbang wakaf
- Pelaburan peruntukan aset patuh syariah